

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN MEMBERI BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN  
KRITIKAL KEPADA PEGAWAI PERUBATAN GRED KHAS YANG  
MENJALANKAN TUGAS KLINIKAL DALAM PERKHIDMATAN  
AWAM**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk melanjutkan bayaran insentif Perkhidmatan Kritikal kepada Pegawai Perubatan Gred Khas dalam perkhidmatan awam di Kementerian Kesihatan Malaysia yang masih menjalankan tugas klinikal.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal merupakan satu ganjaran yang khas untuk pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan disebabkan tugas klinikal yang diakui salah satu perkhidmatan kritikal di dalam perkhidmatan kerajaan demi kepentingan rakyat. Tetapi apabila pegawai itu mendapat Gred Khas, elaun ini digugurkan.

### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 Semua golongan pegawai perubatan menerima insentif ini kecuali pegawai dikategori Gred Khas ke atas.
- 3.2 Kesemua pegawai perubatan di Gred Khas masih melakukan tugas klinikal serta tugas diluar waktu pejabat dan mereka lebih berpengalaman.

### **4.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

- 4.1 Anggota dalam perkhidmatan yang diiktiraf sebagai Perkhidmatan Kritikal dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal seperti berikut:
  - (a) 10% daripada gaji pokok bagi anggota dalam Kumpulan Sokongan kecuali Jururawat sebanyak 15% daripada gaji pokok; dan
  - (b) 5% daripada gaji pokok bagi anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional kecuali Pegawai Perubatan dan Pensyarah Perubatan dibayar sebanyak:
    - (i) RM500.00 sebulan di Semenanjung Malaysia; dan
    - (ii) RM500.00 sebulan atau 10% daripada gaji pokok mengikut mana yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak.

4.2 Peningkatan kewangan kepada negara tidak begitu tinggi dan ini adalah setimpal dengan tugas klinikal yang masih dilakukan oleh pegawai perubatan Gred Khas.

## **5.0 KESIMPULAN**

5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih ganjaran dan insentif untuk pakar-pakar Gred Khas yang berpengalaman untuk terus berkhidmat sebagai pegawai kerajaan.

## **6.0 SYOR**

6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbang syor untuk melanjutkan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal kepada Pegawai Perubatan Gred Khas yang melakukan tugas klinikal dalam perkhidmatan awam di Kementerian Kesihatan Malaysia.